


MENITIP BEBERAPA CATATAN DALAM SEBUAH PERJALANAN OLEH ABDULLAH HUSSAIN SEBAGAI PENJANA KAJIAN LANJUT TENTANG SITUASI SOSIAL ALOR SETAR, KEDAH

Mohd Kasri Bin Saidon
Zolkefli Bin Bahador
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini adalah satu bentuk asas penjana kepada kajian lebih lanjut tentang aspek sejarah yang dihasilkan oleh para penulis sastera. Kemampuan menulis dan menceritakan kembali oleh beberapa penulis lama dilihat terkandung pelbagai maklumat sejarah bersamanya. Kebanyakan maklumat tersebut tenggelam begitu sahaja tanpa diberi kajian lanjut. Tulisan bercorak memoir, Sebuah Perjalanan oleh Dato' Abdullah Hussain dilihat padat dengan titipan kembali pengalaman yang memampar beberapa perkaitan yang dilihat ada nilai sejarah diluar dari catatan yang biasa ditemui. Catatan kembali penulis menceritakan tentang apa yang telah berlalu seawal tahun-tahun sebelum pecah Perang Dunia Kedua. Alor Setar yang menjadi pusat sosial dan ibu kepada pembangunan negeri adalah tarikan kepada seluruh penduduk. Kebanyakan pengkisahan dan sejarah negeri tidak dapat lari dari melibatkan bandar ini. Sebuah Perjalanan menceritakan kembali aspek pembangunan, sosial, ekonomi yang dilihat berkait juga dengan perjalanan politik di Kedah. Kesemua dapatan ini tentunya dapat dijanakan kepada susulan kajian selanjutnya.

Kata Kunci: *sastera, memoir, Alor Setar, Perang Dunia Kedua, politik*



PENGENALAN

Datuk Abdullah Hussain merupakan nama yang begitu tersohor dalam dunia sastera di Malaysia. Anak kelahiran Sungai Limau, Yan di Kedah ini telah menghasilkan karya-karya sastera yang begitu bermutu dan menjadi warisan serta kebanggaan dunia sastera Malaysia. Ada karya beliau yang menjadi isu panas dan boleh menjurus kepada wadah politik satu ketika dahulu. Abdullah Hussain dinobatkan sebagai Sasterawan Negara dalam tahun 1996 malah mencipta nama pula sebelumnya sebagai pemenang *South East Asia Write Award* pada tahun 1981. Jika dilihat kembali hasil tulisan beliau lebih berpaksikan kepada peristiwa yang dirangkul dalam perjalanan hidupnya. Setiap peristiwa dititip kembali dalam bentuk karya dan begitu menarik untuk dibaca. Karya beliau *Sebuah Perjalanan* merupakan sebahagian catatan memoir hidupnya. Membaca tulisan tokoh hebat ini seumpama menonton sebuah filem yang tidak menjemukan. Menariknya jika dibaca oleh sejarawan atau peminat sejarah ialah perkaitan peristiwa tersebut dengan sejarah sama ada tempatan, negeri mahu pun negara. Kertas kerja ini menitip secara sepintas lalu tentang beberapa catatan terkandung di dalamnya yang dapat dijadikan asas bagi kerangka kajian lanjut bagi sejarah tempatan khususnya tentang bandar Alor Setar. Sememangnya untuk mendapatkan catatan sebegini dari sumber pertama yang berada, menyaksi atau turut terlibat dalam kejadian masa lampau adalah sukar. Abdullah adalah salah seorang yang dikira amat bernilai bagi para pengkaji sejarah untuk dititip ceritanya.

BEKALAN ELETRIK

Alor Setar seperti juga negeri-negeri lain di pantai barat semenanjung mula dilengkapi kemajuan di era British mulai hadir sebagai Penasihat. Namun asas kemodenan lebih kepada pandang jauh Sultan Abdul Hamid sendiri yang melihat perubahan dan kemajuan Pulau Pinang sebagai contoh. Malah dalam bidang pendidikan sendiri pun pembukaan sekolah didikan formal adalah mengikut apa yang dipraktikkan di tanah pajakan Inggeris tersebut.

Bekalan elektrik masih belum dapat dijelaskan tentang sejarahnya secara terperinci. Namun kemudahan elektrik ini telah sedia ada di bandar Alor Setar sekitar tahun 1930an. Namun persoalan siapa mengurus, kuasa bekalan dan seluas mana liputan bekalan masih lagi kurang kajian lanjut. Abdullah Hussain dilahirkan dalam tahun 1920 di Sungai Limau, Yan yang jaraknya puluhan batu dari pusat bandar Alor Setar. Awal remaja beliau telah

dibawa ke bandar Alor Setar buat kali pertama dalam hidupnya. Diceritakan betapa menarik baginya anak desa yang terpencil dapat naik kereta ke bandar tersebut. Itulah kali pertama baginya melihat lampu eletrik dan tahu tentang bekalan eletrik. Di desanya lampu pekan hanya dari lampu minyak tanah di tiang lampu yang dinyalakan orang dengan galah panjang. Abdullah menulis;

“Di Alor Setar bapa saya membawa kami ke rumah Pak Cik Hamzah yang terletak di Batu 2, Sungai Korok. Saya yang pertama kali keluar ke kota sangat hairan melihat lampu eletrik yang boleh menyala sendiri. Pada masa itu lampu-lampu eletrik menyala sekaligus tepat pukul enam petang. Lampu jalan dan lampu di rumah. Maka tepat pada waktu tersebut saya pun menunggu di bawahnya untuk melihat bagaimana ia menyala dan dari mana apinya datang.”¹

Dari apa yang disebut dalam petikan ini secara jelas menyatakan kawasan Batu 2 di Sungai Korok telah pun mendapat bekalan eletrik seawal tahun 1930an. Bekalan luar dari lingkungan bandar Alor Setar hanya mendapat bekalan eletrik selepas kemerdekaan. Malah kawasan Simpang Empat Kangkong yang hanya tujuh kilometer dari pusat bandar juga mendapat bekalan pada lewat tahun 1960an.² Catatan yang mudah ini dapat digunakan sebagai petunjuk untuk kajian lebih lanjut mengenai kemodenan Kedah khususnya soal bekalan eletrik. Sumber yang bakal dicapai adalah pelbagai, dapatan atau carian dapat dibuat dari fail Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) atau lebih terperinci kepada Lembaga Letrik Negara yang dikenali sebagai Tenaga Nasional Berhad. Carian dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri tentunya akan menyebut soal bekalan ini dan pelbagai hal ehwal di dalamnya.

KAMPONG HJ MAT ARIF DAN SEKOLAH ST MICHAEL

Sesuatu yang menarik ialah dalam catatan beliau ada menyebut tentang Kampong Hj Mat Arif, terdapat sedikit percanggahan dalam titipannya tentang lokasi tempat bapa saudaranya beliau tumpangi di Alor Setar. Petikan mula menyebut tentang tinggalnya di Batu 2, Sungai Korok namun dalam kupasan cerita lanjut disebut tentang rumah bapa saudaranya di Batu 1. Hal ini mungkin kesilapan kecil penulis dalam mengimbau kembali ingatan lampau dan lokasi rumah itu semasa catatan memoir ini dibuat.

Dalam tahun 1930an Alor Setar sudah mula menjadi tumpuan luar, terbina lebih awal terusan Wan Mat Saman dalam tahun 1885 sepanjang 36 km dari tebing Sungai Kedah ke kaki Gunung Jerai telah memberikan manfaat yang begitu besar kepada sejarah ekonomi dan petempatan di Kedah. Sekitar lingkungan dua kilometer dari pusat bandar iaitu bangunan Pejabat Pos Besar sebagai titik mula boleh dianggap sebagai kawasan bandar. Petempatan penghijrah luar juga terbina di sekitar pelusuk kawasan bandar termasuk kawasan Telok Wan Jah yang juga diduduki oleh keturunan pembesar dan keluarga diraja Kedah ketika itu.

Abdullah ada menyebut tentang satu perkampungan yang dinamakan Kampong Hj Mat Arif. Kampong ini terletak di Batu 1, Sungai Korok. Di sinilah beliau menumpang dirumah bapa saudaranya. Ditulis beliau;

“Saya ditumpangkan di rumah Pak Cik Hamzah. Dia menyewa sebuah rumah di Kampong Hj Mat Arif yang terletak di Batu 1, Sungai Korok.”³

Hj Mat Arif dihuraikan beliau sebagai seorang hartawan Melayu yang mempunyai rumah yang besar dan sebilangan rumah sewa. Ingatan dan huraian tentang rumah milik Hj Mat Arif dan rumah-rumah sewaanannya juga masih jelas;

“Rumahnya cukup besar, iaitu sebuah rumah panggung tinggi, bertiang simen, berdinding papan bercat hijau dan beratap zink. Rumah itu didirikan arah ke dalam sedikit dari jalanraya. Antara rumah itu dengan sungai ada beberapa puluh buah rumah sewa yang sama bentuknya.”⁴

Penulis menceritakan tentang hadapan rumahnya ialah Sungai Korok yang airnya digunakan untuk kegunaan seharian. Jelas menunjukkan sungai korekkan itu menjadi sumber bekalan air tawar bagi penduduk di kawasan yang disalirinya. Aliran sungai atau terusan ini juga yang menebus guna kawasan paya yang memungkinkan usaha bertanam padi dapat dibuat.

Persekolahan aliran Inggeris mula mendapat tempat dikalangan penduduk negeri apabila lulusan sekolah tersebut dilihat lebih bernilai dari lulusan Sekolah Melayu. Terbinanya ‘Government English School’ yang sekarang dikenali sebagai Kolej Sultan Abdul Hamid adalah lambang keunggulan sistem pendididkan aliran penjajah tersebut. Di Kedah ada juga terdapat sekolah yang dibina oleh para mubaligh dan individu yang melibatkan diri dalam soal pendidikan. Sekolah St Michael adalah sekolah Inggeris beliau di Alor Setar. Umumnya orang mengenali sekolah tersebut sekarang di Lorong Merpati berhadapan Kolej Sultan Abdul Hamid namun Abdullah yang bersekolah sebelum pecah Perang Dunia Kedua menyatakan sekolahnya di Kampong Perak, Jalan Baharu (Jalan Putera sekarang).

Sekolah sebegini dahulunya dikenali sebagai “sekolah saudagar”. Abdullah juga menulis sedikit tentang guru besar dan guru-gurunya yang terdiri dari orang Cina, India dan Jepun. Sesuatu yang menarik untuk kajian lanjut ialah penyataan tentang adanya guru dikalangan orang Jepun dan perkaitan dengan peranan Jepun sebagai agen tentera di Kedah sebelum mereka menyerang dalam Perang Dunia Kedua. Jika ayat akhir petikan di bawah dirujuk kemungkinan persekolahan beliau adalah sekitar tahun 1937 atau 1941. Ini adalah ketika ini Jepun sedang dalam kempennya menyerang negara China. Dinyatakan;

“Guru besarnya seorang Jepun bernama Mr. Mori dan beberapa guru lain yang terdiri dari orang Cina dan India . Saya berasa agak aneh melihat orang Jepun dan orang Cina itu tinggal bersama di bahagian atas sekolah itu, berkerja bersama dan makan bersama, pada hal pada masa itu peperangan antara Jepun dan China sedang berkecamuk di daratan negeri Cina.”⁵

Umum mungkin lebih tahu tentang kisah Shiba seorang pegawai kanan tentera Jepun yang berselindung sebalik kedai jualan barangan buatan Jepun di bandar Alor Setar. Sebelum perang tidak pernah sesiapa menyelidiki tentang dirinya atau beberapa rakyat Jepun yang lain di Kedah tentang aktiviti mereka selain dari perniagaan yang mereka lakukan. Adakah wujud pertalian antara guru-guru ini dengan gerakan Fujiwara Kikan yang merupakan kumpulan risikan di Tanah Melayu ketika itu. Kesatuan Melayu Muda (KMM) juga ada catatannya dalam pengkisahan Jepun melanggar Tanah Melayu ini. Kajian dapat dijanakan pula untuk melihat perkaitan antara KMM dan kumpulan rakyat Kedah termasuk para guru tadi. Ini adalah asas kepada kajian lanjut yang bukan hanya dapat dicarikan sumbernya di Kedah malah mungkin merantau jauh ke rekod-rekod peperangan milik British mahupun Jepun.

MERIAM KEDAH LAMA

Kedah mencatatkan sejarah yang panjang dalam hubungan dengan Siam. Hubungan kerajaan yang bercorak politik ini melibatkan juga dengan episod peperangan yang agak menarik untuk dilihat kembali. Perang Kedah-Siam tahun 1821-1829 terkandung pelbagai kisah perjuangan, antara yang menarik ialah serangan Siam di Kuala Kedah. Penyelidik sendiri pernah menjejak kembali beberapa laras meriam di Nakorn Sittamarat, meriam-meriam adalah rampasan Siam dari tentera Kedah. Dalam tahun 2016 sekali lagi penyelidik ke Bangkok khususnya ke Kementerian Pertahanan Thailand berkenaan meriam-meriam lama. Namun apa yang didapati ialah meriam-meriam lama yang dimiliki oleh kerajaan Patanni dalam siri peperangan Siam-Patanni.⁶

Dalam *Sebuah Perjalanan*, tercatat beberapa maklumat yang boleh dijadikan asas kepada penyelidikan lanjut yang bakal memberi faedah kepada pihak Kedah atau Malaysia umumnya dan Thailand sendiri. Tentunya cerita yang ditulis Abdullah Hussain adalah turunan dari apa yang didengarinya dari jenerasi yang terdahulu. Ada dicatatnya tentang “galang tua”, perkataan ini agak terbuka untuk diertikan. Tetapi dari nukilan beliau boleh dikatakan ia berkaitan dengan meriam pertahanan Kedah;

*Dia tahu tentang Lindung Bulan Kedah Tua, tentang galang tua yang terletak di Tanjung Dawai, tentang meriam badak berendam yang menurutnya masih ada di Kuala Kedah, meriam katak puru yang beranak di istana Anak Bukit, meriam siam bayu sang gingga yang khabarnya masih ada diperbatasan Kedah dan Siam...*⁷

Fakta tentang Alor Setar dapat dijana dari informasi asas ini, penyelidik pernah membuat tinjauan tentang meriam-meriam yang ada menghiasi bandar Alor Setar. Pembangunan telah mengubah kedudukan meriam tersebut dari lokasi asal. Terdapat sejumlah meriam era peperangan Kedah silam yang menghiasi bandar tersebut. Di hadapan masjid Zahir terdapat beberapa pucuk meriam, begitulah halnya dengan lokasi hadapan Balai Besar, Balai Seni dan menariknya ada di perkarangan asrama Kolej Sultan Abdul Hamid (KSAH).⁸

Meriam tersebut pernah ditanya oleh baginda Tunku Temenggung Kedah, Tunku Salahuddin kepada penyelidik. Baginda yang meminati sejarah tersebut menyebut tentang dua pucuk meriam yang berada di situ. Pada masa sekarang hanya sepucuk sahaja meriam

yang masih ada menghiasi kawasan asrama KSAH. Kemana diletakkan sepucuk lagi masih menjadi persoalan kepada para sejarawan dan peminat sejarah mahupun bagi bekas pelajarnya.⁹

PADANG BOLASEPAK KEDAH FOOTBALL ASSOCIATION (KFA)

Umumnya seluruh Malaysia mengetahui tentang keunggulan bolasepak Kedah, begitupun sejarah tentang permainan ini masih terlalu ramai yang tidak mengetahui. Ia dilihat bukan sesuatu yang perlu diingat dan dihargai, yang memberi perhatian hanya sebilangan peminat yang tersemat jiwa sejarah. Bintang-bintang bolasepak negeri hilang begitu sahaja, terlalu jarang ia menjadi diskusi dalam sejarah negeri. Sebagai contoh Dato' Yusof Bakar seorang penjaga gol terhebat di rantau Asia Tenggara telah pergi meninggalkan kita, namun kisah kehebatan beliau tidak diketahui umum. Walaupun beliau tidak mewakili Kedah namun beliau mewakili negara dan menghabiskan usia tuanya di bandar Alor Setar.¹⁰

Generasi hari ini jauh untuk mengenali tentang padang KFA yang terletak di batu 2, Alor Setar. Zaman sebelum adanya stadium Darulaman yang moden tersebut di padang inilah kejohanan bolasepak diadakan. Malah sambutan menyambut Tunku Abdul Rahman dalam usaha kemerdekaan antaranya pernah diadakan di situ. Padang tersebut masih ada namun ia bertukar wajah kepada Komplek Sukan Hijau Kuning malangnya sejarah zaman silamnya terlalu jarang dapat diketahui.

Kumpulan usia ke atas 60an yang tinggal di Alor Setar sahaja yang dapat mengingati tentang padang ini. Abdullah Hussain menyebut tentang keseronokan remajanya yang turut memeriahkan bolasepak di lokasi tersebut. Beliau menyebut tentang kehangatan perlawanan jika pasukan Kedah bertemu Pulau Pinang dan juga sikap liar penonton yang tidak ubah seperti hari ini. Malah ada yang dilihat lebih hebat dari hari ini;

“Kalau Kedah kalah habislah motokar orang Pulau Pinang yang diletakkan sepanjang-panjang jalan itu dibuka angin tayarnya dan ada yang mengantungkan tin kosong, malah ada pula yang meletakkan najis di dalam motokar-motokar itu. Saya tidak tahu benar atau tidak, tetapi kebanyakan kawan-kawan saya berkata bahawa mereka telah diupah oleh salah seorang anak raja untuk berbuat serupa itu, lima puluh sen seorang. Lima puluh sen dalam tahun tiga puluhan sudah cukup banyak, boleh menonton wayang gambar dua tiga kali.”¹¹

Bercakap tentang pemain pula begitu ramai yang telah hilang dalam catatan sejarah, apatah lagi jika kegemilangan mereka sekadar mewakili negeri, ditambah pula dengan begitu kurangnya media sebaran am ketika itu. Ada disebut penulis tentang seorang pemain bernama Abdullah atau dikenali sebagai Dolah Medan kerana katanya berasal dari Medan, Indonesia. Mengikut apa yang tercatat dalam memoir ini Dolah Medan adalah seorang pemain bolasepak di Kota Medan yang diundang bermain di Kedah dan diberikan perkerjaan. Konsep ini seumpama belian pemain luar dalam konteks naturalisasi yang diamalkan sekarang. Begitu juga dengan seorang lagi pemain hebat dikenali sebagai Pak Ya, nama sebenarnya ialah Yahya Osman. Beliau merupakan adik kepada Dato' Shariff Osman, Setiausaha Kerajaan Kedah, Pak Ya berkerja dengan Jabatan Perbekalan Air di

Kulim ketika itu. Begitu juga halnya dengan beberapa nama lain seperti Wan Abdullah, Yahya Saud dan Hamid Rashid .¹²

Tulisannya juga menyebut tentang beberapa kelab bolasepak yang mencipta nama di bandar tersebut sebelum Jepun menyerang, antaranya ialah *Blue Stars*, *Tigers* dan *Shooting Stars*.¹³ Jika dapat diterokai balik informasi dari segala sumber diharapkan lebih banyak maklumat akan diperolehi dan sejarah sukan bagi bolasepak negeri akan ada cerita yang mampu dikongsikan sebagai warisan yang bernilai.

KEDAH AMUSEMENT PARK DAN HIBURAN

Tentunya jika dirujuk balik perkataan di atas terlalu sukar untuk mendapat gambaran tentang lokasi dan kemeriannya. Perbandaran Alor Setar telah berubah begitu pantas dan merubah struktur bangunan dan keluasan bandar tersebut. Kemajuan juga menjadikan kemeriahan bandar tersebut berbeza dengan apa yang dilalui dahulu. Hiburan pentas dan pawagam di Alor Star di waktu sebelum perang adalah berjumlah yang sedikit, pawagam yang ada ialah *Empire* dan *Royal*¹⁴. Sebuah kawasan berkonsepkan hiburan telah sedia wujud, Abdullah Hussain menyebut lokasinya hampir dengan Dewan Dato' Syed Omar. Beliau menulis dalam tahun 1980an, sekarang dewan tersebut telah berubah menjadi hotel yang terkenal. *Kedah Amusement Park* digambarkan kembali penulis sebagai tempat yang terisi segalanya agenda hiburan, dari joget moden, opera Cina, judi, bangsawan, tinju dan pelbagai lagi.

Kupasan penulis adalah meluas dalam hal ini menceritakan betapa persembahan yang dimainkan menjadi tarikan bagi penduduk Alor Setar. Berbicara tentang bangsawan, disebut tentang kumpulan bangsawan yang bertandang ke situ termasuklah *Grand Noran Opera* dan sebuah kumpulan bangsawan dari Indonesia bernama *Dja Dardanella*. Bangsawan ini dikatakan sebagai yang paling besar dan bersifat internasional milik seorang berketurunan Belanda. Dititip pula nama-nama pelakun yang diminati ramai ketika itu seperti Dja, Tan Cheng Bok, Anjar Asmara, Raden Ismail dan Fifi Young.¹⁵ Kemahsyuran pementasan mereka mendapat perhatian meluas sehingga Baginda Sultan Abdul Hamid juga turun berkenan menyaksikannya;

“Tiba-tiba kami melihat kereta Sultan Kedah (Sultan Abdul Hamid) datang dengan dua tiga kereta lain. Kereta itu berhenti di depan pintu dan Sultan Kedah turun berjalan masuk ke dalam di atas permaidani merah disambut oleh taukeh Dardaanella dan pengurus taman hiburan.”¹⁶

Sukan tinju sememangnya menjadi tarikan di Kedah, ditulis beliau tentang perlawanan tinju yang berlangsung di *Kedah Amusement Park*. Paling disebut ialah Kid Ahmad yang dikatakan handal bertinju dan mengalahkan Tara Singh dari Ipoh. Juga diceritakan tentang penglibatan Tunku Kassim, adinda Tunku Abdul Rahman dalam sukan ini. Kid dikatakan mendapat perhatian penuh dari Tunku Kassim dalam kisah tinjunya di Alor Setar dan perlawanan ulangan di Ipoh. Begitu juga catatannya tentang peninju hebat Tanah Melayu ketika itu bernama Tiger Aman yang dikatakan pernah bertinju sehingga ke Australia, dikatakan jika tidak kerana perang kemungkinan dia akan menjadi peninju profesional pertama Tanah Melayu ketika itu. Abdullah Hussain juga mencatat tentang kedatangan

peninju luar seperti Gun Boat Smith dan Joe Diamod dari Singapura serta Speedy Hassan dari Pulau Pinang ke Kedah.¹⁷

Penglibatan Tunku Kassim dalam hal seni bela diri adalah amat megah pada masa itu sehingga lewat tahun 1960an. Dibukanya sebuah kelab permainan yang dipanggil orang sebagai “Kelab Tunku Kassim”. Penyelidik sendiri dalam tahun 1989 pernah bertemu dengan seorang guru silat dari Kemubu, Kelantan yang pernah bermain silat di kelab ini. *Sebuah Perjalanan* menyebut tentang perlawanan hebat Nai Ismail dari Patanni, Thailand melawan seorang jaguh hebat dari Medan.¹⁸

Agak menarik apabila penulis mencatat tentang sambutan di Alor Setar apabila filem ‘Ros Putih’ lakonan artis Mesir Abdul Wahab dan Ummi Kalthum ditayangkan di *Kedah Amusement Park*. Kedah sememangnya negeri yang banyak pondok pengajian Islam, menonton wayang adalah sesuatu yang menjadi larangan ketika itu. Namun apabila filem tersebut yang berbahasa Arab ditayangkan dikatakan ramai penonton ‘berketayap putih’ yang turut sama menonton, mungkin disebabkan bahasa Arab dilihat telah menghalalkan mereka untuk turut sama. Pengiklan filem menyebut nama pelakun sebagai ‘Ustaz Abdul Wahab’ dan ‘Ustazah Ummi Kalthum’. Lagu dan filem nyanyian mereka mula kedengaran di kampung-kampung. Penulis menceritakan;

“... tiap-tiap kali selesai Abdul Wahab atau Ummi Kalthum menyanyi maka terdengarlah bunyi suara yang mengucapkan kata-kata “Allah ! Allah!”¹⁹

Nilai sejarah pelbagai terkandung bersamanya, ia dapat dilihat kepada aspek perkembangan sosial di waktu itu. Kemeriahan juga merupakan sebahagian pengisian bagi sejarah bandar Alor Setar, betaapa bandar ini menjadi pusat sosial yang pelbagai. Kewujudan taman hiburan yang terkandung pelbagai bentuk seni hiburan adalah pengisian sosial bagi rakyat ketika itu. Bandar lain seperti Sungai Petani, Jitra, Kuah atau Kulim yang pesat membangun ketika ini belum lagi berkeadaan sebegitu sebelum pecah Perang Dunia Kedua. Tumpuan semua maksud hidup masih berpusat di Alor Setar, sumber yang ada terutama pada Kerajaan Negeri Kedah, pemilik pawagam dan orang perseorangan dapat diterokai balik.

PENUTUP

Membaca Sebuah Perjalanan seumpama menonton sebuah filem sejarah yang teruja dengan pertanyaan. Semakin jauh kupasan penulis dibaca semakin minat bagi seorang sejarawan untuk mengkaji. Apa yang dipaparkan Abdullah Hussain adalah gambaran dalam bentuk tulisan yang jarang dapat ditiptikan kembali dewasa ini. Dari aspek sejarah apa yang disebut dapat dijadikan asas kepada penjejakan kembali tentang sejarah sosial yang dapat membawa kepada pengembangan pelbagai mahupun dalam skop ekonom dan politik. Selain catatan Abdullah Hussain terdapat seorang lagi anak Kedah yang mempunyai pengalaman yang menarik. Monte Zain atau Zain Ahmad Tajuddin menulis dalam memoirnya *Out of Malaya*, satu catatan pengalaman hidup yang juga menceritakan tentang Alor Setar dan penglibatan tokoh politik bersamanya berkelana di Amerika.²⁰ Namun hasilan Abdullah Hussain dilihat lebih meluas dan wajar dijadikan sebagai asas bagi kajian lanjut tentang sejarah Kedah khususnya bandar Alor Setar.

-
- ¹Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.71
- ²Penyelidik sendiri pernah tinggal di Simpang Empat dalam tahun 1968 sehingga 1982.
- ³Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.79
- ⁴Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.80
- ⁵Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.81
- ⁶Penyelidik adalah Ketua Biro Kaji Selidik Persatuan Sejarah Cawangan Kedah (PSMCK), antara yang turut dalam kajian tersebut ialah Dato' (Dr) Wan Shamshuddin Mohd Yusof dan Dr. Ibrahim Bakar Langkawi.
- ⁷Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.49 Penyelidik juga pernah melihat kembalisan gari yang dikatakan sempadan awal Kedah –Siam di kampung Ban Prik dalam wilayah Sadao, Thailand.
- ⁸ Kolej Sultan Abdul Hamid terletak di Jalan Langgar dalam bandar Alor Setar, sekolah ini asalnya ialah Sekolah Inggeris Kerajaan. Lulusan sekolah ini ramai yang menjawat jawatan penting dalam kerajaan dan ada yang menjadi orang yang terkenal di Malaysia, antara yang ulung ialah Baginda Sultan Abdul Halim, Tunku Abdul Rahman, Tun Mahathir, Tun Daim dan ramai lagi.
- ⁹Terdapat sebuah persatuan bekas pelajar yang dipanggil SAHOCA.
- ¹⁰Beliau pernah menjawat Pengurus Komplek Sukan Hijau Kuning sekitar tahun 1990an. Semasa kehebatan beliau dalam tahun 50an, ketangkasan beliau diukagumidandigelar sebagai “ *The Iron Gates*”.
- ¹¹Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.89
- ¹²Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.90
- ¹³Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.111
- ¹⁴Kedua-dua pegawai tersebut telah tidak lagi wujud dalam tahun 2000, *Empire* bertukar menjadi daikain bajudan *Royal* telah terdirisebuah bangunan bertingkat. Begitu pun sebuah gerainasikandar yang hampir pangungtersebut terkenal dengannama “ Nasi Royal”, gerai tersebut masih ada dan mempunyai banyak cawangan termasuk juga di Kuala Lumpur.
- ¹⁵Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.116
- ¹⁶Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.117
- ¹⁷Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.118
- ¹⁸Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.119
- ¹⁹Abdullah Hussain, *Sebuah Perjalanan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm.127
- ²⁰ Monte Zain adalah anak kelahiran Alor Setar yang berhijrah ke Amerika dalam satu pengalaman yang menarik. Beliau kemudiannya berkhidmat dalam tentera Amerika, berkahwin dengan wanita Jepun dan menetap sebagai warganegara Amerika. Penyelidik pernah menghubungi beliau sekitar tahun lewat 1990an.